

# Prinsip Islam boleh diterap dalam reka bentuk tandas

Oleh HISHAM HASIM

hishambh@sph.com.sg

APABILA bicara tentang rekaan sesebuah tandas, agama Islam juga mempunyai ciri-ciri dan peraturan yang harus dipatuhi, kata Naib Pengerusi, Persatuan Tandas Berkualiti Malaysia, Encik Hasan Hamzah.

Membentangkan kertas kerja di *Sidang Puncak Tandas Sedunia* yang berlangsung di Suntec City kelmarin, Encik Hasan berkata kebersihan dipuji dan dituntut oleh semua orang tidak kira bangsa, budaya atau agama.


“Pergi ke tandas juga dianggap sebagai ibadah jika seseorang itu menuruti peraturan dan etika ketika di tandas.

“Oleh itu, kertas kerja saya cuba menonjolkan beberapa ciri dan nilai Islam berkaitan penggunaan tandas dan juga etika yang dapat membantu dalam rekaan sesebuah tandas,” kata Encik Hasan kepada *Berita Harian*.

Kertas kerja yang dibentangkan beliau berjudul *Menerapkan nilai-nilai dan etika Islam dalam rekaan tandas: Pengalaman Malaysia*.

Encik Hasan antara lain memberi contoh bahawa penggunaan air bersih dalam setiap tandas adalah penting dalam Islam, berbanding menggunakan kertas tandas sebagai agen penyucian.

“Nilai-nilai Islam, seperti kebersihan dan penyucian diri dan menggunakan air sebagai agen penyucian, dan etika Islam, seperti tidak berdiri keti-



**MEMENUHI KEPERLUAN ASAS:** Encik Hasan memberi contoh air harus disediakan dalam tandas bagi pengguna Islam memandangkan dalam agama Islam penggunaan air bagi penyucian lebih utama daripada kertas tandas. – Foto M.O. SALLEH

ka membuang air kecil, membentangkan prinsip-prinsip Islam yang harus diterapkan para pereka dalam rekaan tandas mereka,” kata Encik Hasan.

Menurut beliau lagi, kebanyakan orang, khususnya bu-

kan Islam, agak tertarik akan konsep-konsep penyucian dan etika menggunakan tandas melalui cara Islam.

“Mereka tidak tahu bahawa ada cara-cara untuk menggunakan tandas, seperti yang diajar dalam sunah-sunah Na-

bi, dan juga konsep *taharah* (bersih daripada najis) dan *na-zafah* (kemas dalam ketrampilan),” kata Encik Hasan.

Sidang itu dirasmikan oleh Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik Lim Swee Say, Rabu lalu.

la dianjurkan bersama Per-

tubuhan Tandas Sedunia dan MP Asia, dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia (ADB), Persatuan Tandas Singapura, Institut Arkitek Singapura, Institut Perancangan Singapura dan Biro Pameran dan Konvensyen Singapura.